



**SURAT PEMBERITAHUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN: 1/2024**

**SKIM BIASISWA PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (BPTV)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN SESI 2024/2025  
DI INSTITUSI PENGAJIAN SWASTA DALAM NEGERI**

---

## **1. PENDAHULUAN**

---

Bagi memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat khususnya dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional, Kerajaan menyediakan satu skim biasiswa yang akan diberikan kepada pelajar lepasan di peringkat 'O' untuk mengikuti pengajian di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Skim Biasiswa ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya bagi menyahut Wawasan Brunei 2035.

---

## **2. OBJEKTIF**

---

2.1 Objektif skim ini adalah seperti berikut:

- i) Memberi peluang anak-anak Brunei yang terdiri dari lepasan sekolah di peringkat 'O' untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi bagi menyahut Wawasan Brunei 2035;
- ii) Meningkatkan kelulusan dan kemahiran anak-anak tempatan; dan
- iii) Memberikan bantuan kewangan bagi pelajar yang berkelayakan akan tetapi tidak berupaya untuk melanjutkan pengajian di IPTS disebabkan tiada berkemampuan untuk membiayai yuran pengajian.


---

## **3. JENIS PERMOHONAN**

---

3.1 Permohonan-permohonan yang dibukakan adalah seperti berikut:-

3.1.1 **Permohonan Baru** adalah terbuka kepada orang ramai yang ingin mengikuti pengajian tahap 1, 2 dan 3 mengikut *Brunei Darussalam Qualifications Framework*.

3.1.2 **Meninggi Tahap** iaitu bagi pelajar yang dianugerah Skim BPTV pada sesi 2023/2024 dan telah lulus dan tamat pengajian. 

---

#### 4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

---

Skim BPTV adalah terbuka kepada orang ramai yang memenuhi syarat-syarat berikut:-

- Pengajian yang dipohonkan adalah **sepenuh masa (full-time)**.
- Pemohon hendaklah yang **belum** mempunyai sebarang pekerjaan sama ada di agensi-agensi Kerajaan mahupun pihak swasta.
- Hanya dibolehkan mengikuti pengajian di IPTS **dalam negeri yang dibenarkan dalam skim ini sahaja**.
- Hanya dibolehkan mengikuti bidang kursus yang disenaraikan berdasarkan **keperluan negara** dan diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) dan yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Biasiswa, Kementerian Pendidikan.
- Pelajar yang sedang menuntut di institusi Kerajaan atau pelajar yang sudah mempunyai tahap kelulusan yang sama dengan kursus yang dipohon, tidak dibenarkan untuk memohon skim ini.
- **Keutamaan akan diberikan kepada pemohon dari keluarga yang kurang berkemampuan.**
- Hanya dibukakan bagi kemasukan sesi September / Oktober 2024.

#### BAGI PERMOHONAN BARU:

##### Syarat-Syarat Utama

- ✓ **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam.
- ✓ Hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan IPTS yang dipohonkan.

##### Kelayakan Akademik

###### Bagi permohonan tahap 1, 2 dan 3:

- ✓ Telah tamat pengajian **di peringkat 'O'** dan mempunyai **kelulusan 3 'O' (kredit dalam 3 matapelajaran) dan ke bawah** dalam Peperiksaan GCE 'O' Level atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- ✓ Hendaklah mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan sahaja iaitu seperti dalam **Lampiran 1**.



## BAGI MENINGGI TAHAP:

### Syarat-Syarat Utama

- ✓ Hanya terbuka kepada pelajar yang telah dianugerah Skim BPTV pada sesi 2023/2024 dan berjaya menamatkan pengajian.
- ✓ Hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan di **institusi yang sama** di mana pengajian sebelum ini diikuti.

### Kelayakan Akademik

- ✓ Telah tamat pengajian dan memperolehi keputusan sekurang-kurangnya **Lulus** dalam peperiksaan terakhir.
- ✓ Hendaklah mengikuti kursus *progression* iaitu kursus dalam bidang yang sama seperti yang telah dianugerahkan Skim BPTV sesi 2023/2024.

---

## 5. JENIS-JENIS KEMUDAHAN


Bagi **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam:

- 5.1 Pihak Kerajaan akan membiayai kos pengajian sepenuhnya (termasuk yuran pendaftaran dan peperiksaan).
- 5.2 Elaun perjalanan sebanyak BND 45.00 sebulan akan diberikan kepada pelajar.

---

## 6. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Pemohon juga perlu memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:-

- 6.1 Calon yang akan mengikuti Skim Biasiswa ini dimestikan menandatangani borang perjanjian dengan pihak Kerajaan.
- 6.2 Calon yang memohon Skim Biasiswa ini akan ditemuduga, jika ada keperluan. 

---

## 7. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN BIASISWA

---

Pemohon di bawah kategori berikut tidak akan dipertimbangkan bagi permohonan biasiswa:

- 7.1 Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup atau permohonan yang tidak lengkap diisi atau salinan sijil-sijil peperiksaan yang dihadapkan tidak disahkan dan permohonan yang mempunyai maklumat palsu.
- 7.2 Tidak memenuhi kehendak syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bilangan 4 dan syarat-syarat kemasukan IPTS.
- 7.3 Pemohon yang telah disenarai hitamkan (*blacklist*) kerana membuat kesalahan yang dikenakan tindakan tetatertib.
- 7.4 Memohon untuk mengikuti pengajian di peringkat yang sama yang telah diperolehi sebelumnya.
- 7.5 Pemohon yang tidak mengambil Surat Penganugerahan dan mengembalikan Borang Perjanjian di dalam tempoh yang ditetapkan.

---

## 8. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN BIASISWA

---

- 8.1 Pemohon hendaklah mendapatkan tawaran tempat pengajian dari IPTS dalam negeri sebelum memohon Skim BPTV ini.
- 8.2 Tatacara menghadapkan permohonan bagi **Permohonan Baru** adalah seperti berikut:-

Pemohon hendaklah mengisi **Borang BPTV/A1** untuk mendapatkan Biasiswa di bawah Skim BPTV. Borang permohonan tersebut boleh **dimuat turun** dari laman web: [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn) dan **mengembalikan Borang BPTV/A1** yang sudah lengkap diisi (*hardcopy*) dengan disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan ke:

**Jabatan Pengurusan Biasiswa**  
**Kaunter No. 3, Pusat Perkhidmatan Setempat**  
**Blok C, Lantai Dasar**  
**Kementerian Pendidikan**  
**Negara Brunei Darussalam**

*Softcopy* borang yang lengkap diisi hendaklah di emel ke [bptv@moe.gov.bn](mailto:bptv@moe.gov.bn) dalam *format Excel*.

- 8.3 Bagi permohonan **Meninggi Tahap** pengajian, pemohon hendaklah mengisi **Borang BPTV/A2** yang tersedia di IPTS masing-masing dan mengembalikan **Borang BPTV/A2** yang sudah lengkap diisi (*hardcopy*) dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan ke ke **IPTS masing-masing**.
- 8.4 Semua pemohon yang memenuhi syarat permohonan akan dihadapkan ke Jawatankuasa Biasiswa, Kementerian Pendidikan bagi pertimbangan dan sokongan bagi mendapatkan Biasiswa Skim BPTV.
- 8.5 **Tarikh tutup permohonan : 2 Mei 2024**  
**Hari Khamis, jam 4.00 petang**

*'Ramadan Berkah Penuh Hikmah*



**[DR HAJI AZMAN BIN AHMAD]**  
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : KPE/HE/S7/2016/J7  
Bertarikh : 16 Ramadan 1445/ 27 Mac 2024

## Kursus yang ditawarkan bagi Pelajar Baru 2024/2025 (Tahap 1/ 2/ 3)

NAMA INSTITUSI	BIL	KURSUS DITAWARKAN	TEMPOH KURSUS
Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (KIGS)	1	NTEC in Business Management	2 tahun
	2	NTEC in Information Technology	2 tahun
	3	Certificate in Electronic Media Production	1 tahun
Laksamana College of Business (LCB)	4	Pearson BTEC Level 2 Certificate in Business (QCF)	1 tahun
	5	Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Travel and Tourism	1 tahun
	6	Pearson BTEC International Level 2 Diploma in Information Technology	1 tahun
	7	City & Guilds 8064-01 Level 2 Diploma in Food Preparation and Culinary Arts	1 tahun
	8	City & Guilds 8064-02 Level 2 Diploma in Food Preparation and Culinary Arts – Patisserie	1 tahun
	9	City & Guilds 8064-03 Level 2 Diploma in Food and Beverage Service	1 tahun
Micronet International College (MIC)	10	Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Information Technology	1 tahun
	11	Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Business	1 tahun
	12	Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Information Technology	1 tahun
	13	Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Business	1 tahun

<b>NAMA INSTITUSI</b>	<b>BIL</b>	<b>KURSUS DITAWARKAN</b>	<b>TEMPOH KURSUS</b>
Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT)	14	Pearson BTEC Level 2 Certificate in Information Technology (QCF)	1 tahun
	15	Pearson BTEC Level 2 Certificate in Business (QCF)	1 tahun
	16	Pearson BTEC Level 2 Certificate in Creative Media Production (QCF)	1 tahun
	17	Pearson BTEC Level 2 Certificate for Retailers	1 tahun
	18	Pearson BTEC Level 2 in Customer Service Practitioners	1 tahun
	19	Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Business (QCF)	1 tahun
	20	Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Digital Media (QCF)	1 tahun
	21	Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Information Technology	1 tahun
Kemuda Institute (KI)	22	Pearson BTEC Level 1 Diploma in Information Technology	1 tahun
	23	Pearson BTEC Level 2 Certificate in Information Technology (QCF)	1 tahun
	24	NCC Education Level 3 Diploma in Computing (L3DC)	9 bulan
Mahakarya Institute of the Arts Asia	25	Certificate III in Screen and Media	1 tahun
HADtech College	26	NCC Education Level 3 Diploma in Computing	9 bulan